



PERINGATAN PERTAMA

Ruj. Kami : ANMSEL.A.400-1/3/12-2 (40)
Tarikh : 18 Februari 2025

**Ketua-Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ) Di Bawah Seliaan
Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Selangor**

YBhg. Dato'/Tuan/Puan,

SIJIL PENGESAHAN BAKI DEPOSIT BAGI BULAN JANUARI 2025

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa selaras dengan **Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bil. 1 Tahun 2023**, Sijil Pengesahan Baki hendaklah dikemukakan ke jabatan ini **selewat-lewatnya 14 hari dari hari pertama bekerja pada bulan berikutnya**. Walau bagaimanapun, semakan jabatan ini mendapati PTJ YBhg. Dato'/Tuan/Puan masih **belum** mengemukakan Sijil Pengesahan Baki (SPB) dalam tempoh yang ditetapkan.

3. Sehubungan itu, kerjasama pihak YBhg. Dato'/Tuan/Puan adalah dipohon untuk mengemukakan SPB tersebut berserta dengan surat tunjuk sebab yang telah disahkan oleh Ketua Jabatan masing-masing kepada jabatan ini selewat-lewatnya pada **28 Februari 2025**.

4. Kelewatan atau kegagalan mengemukakan Sijil Pengesahan Baki tersebut akan menyebabkan ketidakpatuhan kepada Arahan Perbendaharaan 143(b).

5. Sekiranya terdapat pertanyaan lanjut berhubung perkara ini, sila hubungi pegawai-pegawai seperti berikut:

Nama Pegawai	Jawatan	No. Telefon
Encik Hazeman Bin Aziz	Penolong Pengarah Kanan	03-5520 5333
Puan Norsuzila Binti Misbah	Penolong Akauntan	03-5520 5270
Puan Thilagavathi A/P Bala Subramaniam (PIC)	Penolong Akauntan (KUP)	03-5520 5312

6. Perhatian dan kerjasama pihak Tuan berhubung perkara ini amatlah kami hargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Inovasi Memperkasakan Perakaunan Mampan"

Saya yang menjalankan amanah,


(SHAHNAZ BIN ABD SALAM C.A.(M), CPA(M))
Pegarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Negeri Selangor
No. Tel : 03-55205201
E-mel : pneg_sgr@anm.gov.my

Tajuk : SIJIL PENGESAHAN BAKI DEPOSIT BAGI BULAN JANUARI 2025
Ruj. kami : ANMSEL.A.400-1/3/12-2 (40)
Bertarikh : 18 Februari 2025

LAMPIRAN A

**SENARAI PTJ YANG BELUM MENGEMUKAKAN SIJIL PENGESAHAN BAKI DEPOSIT
BAGI BULAN JANUARI 2025**

Kemaskini sehingga 17 Februari 2025

BIL	KOD PTJ	NAMA PTJ
1	35279000	JKR ELEKTRIK SELANGOR
2	42060901	PEJABAT KESIHATAN DAERAH PETALING